

**SMK JALAN KOTA TINGGI
KM7 JALAN KOTA TINGGI KLUANG
JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN
2019
TASAWWUR ISLAM
SKEMA JAWAPAN
Kertas 2**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tujuh** soalan.*
2. ***Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.*
3. *Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.*

5226/2 @ PPcSPM 2019 Panitia Tasawwur Islam SMKJKT Kluang Johor

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

1	(a)	(i)	Nyatakan pengertian mukjizat	(2 markah)						
			Perkara luar biasa anugerah Allah kepada nabi dan rasul sebagai bukti kebenaran / kenabian / kerasulan / melemahkan musuh-musuh.							
		(ii)	Jelaskan dua perbezaan di antara mukjizat dengan karamah	(4 markah)						
			<table><tr><th>Mukjizat</th><th>Karamah</th></tr><tr><td>Perkara luar biasa dianugerahkan kepada nabi dan rasul.</td><td>Perkara luar biasa berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya.</td></tr><tr><td>Bertujuan melemahkan musuh.</td><td>Sebagai pertolongan Allah SWT kepada hambanya.</td></tr></table>	Mukjizat	Karamah	Perkara luar biasa dianugerahkan kepada nabi dan rasul.	Perkara luar biasa berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya.	Bertujuan melemahkan musuh.	Sebagai pertolongan Allah SWT kepada hambanya.	
Mukjizat	Karamah									
Perkara luar biasa dianugerahkan kepada nabi dan rasul.	Perkara luar biasa berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya.									
Bertujuan melemahkan musuh.	Sebagai pertolongan Allah SWT kepada hambanya.									
	(b)		Senaraikan empat contoh nama-nama Allah SWT yang mulia.	(4 markah)						
			1. Ar-Rahman. 2. Ar-Rahim. 3. Al-Malik. 4. Al-Quddus. 5. Al-Muhaimin.							
			"Syurga dan neraka adalah sebahagian daripada perkara ghaib"							
	(c)		Bincangkan cara untuk menanamkan keimanan kepada perkara di atas.	(4 markah)						
			Menuntut ilmu [I - 1m] untuk menambahkan ilmu pengetahuan [H - 1m] tentang balasan Allah [HL – 1m] yang akan melahirkan perasaan takut kepadaNya.[K – 1m]							
	(d)		Nyatakan maksud alam ghaib.	(2 markah)						
			Alam yang tidak boleh ditanggapi oleh pancaindera manusia.							
	(e)		Jelaskan dua kesan buruk ajaran sesat terhadap individu.	(4 markah)						
			1. Aqidah akan terpesong / tersesat / murtad. 2. Dimurkai / di azab oleh Allah. 3. Hidup dalam keadaan tidak aman dan tenteram. 4. Berlaku pergaduhan dengan orang lain / ahli keluarga.							
2	(a)		Terangkan dua ciri Islam sebagai agama langit yang diiktiraf oleh Allah.	(4 markah)						

		1. Kelahiran agama Islam tertentu waktunya. 2. Disampaikan oleh utusan Allah / oleh Rasul Allah. 3. Mempunyai kitab suci. 4. Ajarannya sempurna dan lengkap meliputi semua perkara.	
(b)	(i)	Apakah maksud 'Alamiyyah?	(2 markah)
		Sarwajagat iaitu islam sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.	
	(ii)	Jelaskan dua bukti keadilan Islam bersifat sejagat.	(4 markah)
		1. Keadilan Islam menyeluruh untuk semua bangsa, tempat dan zaman tidak terhad kepada umat islam sahaja. 2. Ajarannya meliputi semua bidang kehidupan manusia.	
		<i>Maksudnya : "Dan aku bukan penyembah apa yang kalian sembah. Dan kalian bukan penyembah, apa yang aku sembah. Untuk kalianlah agama kalian dan untukKulah agamaKu"</i> <i>(Surah al-Kaafiruun, 109 : ayat 4 – 6)</i>	
(c)		Berdasarkan pernyataan di atas ,huraikan dua perkara yang tidak boleh ditoleransikan.	(4 markah)
		1. Aqidah [1m] iaitu kepercayaan kepada rukun Islam [1m]. 2. Hukum syariat [1m] seperti hukum halal / haram / harus / sunat / makruh [1m]. 3. Ibadat [1m] wajib ditunaikan walau dalam apa jua keadaan [1m].	
(d)		Huraikan dua bentuk penyalahgunaan konsep Murunah.	(4 markah)
		1. Mempelbagaikan fesyen pakaian berkonsepkan Islam [1m] tetapi terkeluar dari konsep menutup aurat [1m]. 2. Meninggalkan puasa di bulan Ramadhan [1m] dengan alasan yang direka-reka [1m]. 3. Mengambil ringan kewajipan bersolat [1m] dengan melakukan secara qadha'. [1m]	
(e)		Jelaskan kesyumulan Islam dalam perhubungan sesama manusia.	(2 markah)
		1. Islam menggariskan panduan cara bermuamalah. 2. Islam menetapkan batas halal dan haram dalam perhubungan antara lelaki dan perempuan.	
3	(a)	(i) Nyatakan empat ciri negara Islam.	(4 markah)

		1. Pemerintahan berdasarkan al-Quran dan Hadis, 2. Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar. 3. Jaminan kebebasan hak asasi. 4. Ketua negara beriman / adil.	
		<i>Setuju kerana</i> <i>Setuju kerana</i>	
	(ii)	Berikan dua contoh pengamalannya dalam aktiviti di sekolah.	(2 markah)
		1. Pemilihan ketua kelas. 2. Pemilihan AJK kelas / kelab / persatuan / unit beruniform.	
(b)	(i)	Senaraikan empat kelayakan hakim.	(4 markah)
		1. Beriman / bertaqwa. 2. Berilmu pengetahuan tinggi. 3. Berwibawa. 4. Berani / tegas.	
	(ii)	Orang yang dianiaya perlu pembelaan dalam sistem kehakiman Islam. Setujukah anda dengan pernyataan di atas? Jelaskan tiga alasan anda.	(4 markah)
		Setuju kerana 1. Mereka adalah golongan yang lemah yang tidak mampu membela diri sendiri. 2. Agar masyarakat dapat hidup dengan harmoni tanpa ada kezaliman. 3. Menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman merupakan prinsip utama dalam sistem kehakiman. 4. Pelaksanaan hukuman yang ditetapkan oleh Allah dapat melahirkan akhlak mulia dan menjaga hubungan sesama manusia.	
		<i>Gejala sumbang mahram semakin berleluasa dalam masyarakat Malaysia. Ini disebabkan beberapa kelemahan dalam sistem sosial yang diamalkan kini.</i>	
(c)		Bincangkan tiga kelemahan amalan sistem sosial masa kini.	(6 markah)
		1. Hilang sifat tegur menegur sesama jiran tetangga sehingga tidak tahu apa yang berlaku kepada mereka.	

			- Hilang sifat kasih sayang kepada ahli keluarga sehingga sanggup menzalimi mereka. - Sikap tidak suka bergaul dengan jiran tetangga kerana sibuk bekerja. - Pergaulan berdasarkan darjat / keluarga / kepentingan kerana ingin menjaga kedudukan. - Mengutamakan kepentingan individu berbanding umum kerana sikap mementingkan diri.	
4	(a)	(i)	Jelaskan dua sebab Islam menyuruh umatnya mencari harta secara halal.	(4 markah)
			- Menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. - Mengelakkan penindasan dan penganiayaan. - Mengelakkan permusuhan di antara satu sama lain.	
		(ii)	Terangkan dua keburukan mengabaikan tanggungjawab terhadap harta kepada negara.	(4 markah)
			- Berlaku inflasi dalam negara kerana pengurusan yang tidak menepati kehendak syarak. - Berlaku kemelesetan ekonomi kerana membelanjakan harta secara membazir. - Negara tidak akan harmoni kerana terdapat ramai orang yang susah.	
			<i>Manipulasi adalah salah satu perbuatan yang ditegah di dalam Islam.</i>	
	(b)	(i)	Terangkan dua kesan perbuatan tersebut kepada masyarakat.	(4 markah)
			- Timbul hasad dengki dan permusuhan dalam masyarakat kerana wujud sikap tidak amanah. - Berlaku penganiayaan terhadap golongan miskin seperti penipuan dalam sukatan timbangan.	
		(ii)	Jelaskan dua cara membelanjakan harta kepada keluarga.	(4 markah)
			- Menafkahkan harta kepada orang-orang di bawah tanggungannya. - Menyara diri dan keluarga untuk keperluan hidup harian.	
			<i>“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertqwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah amat berat seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahnya).</i> <i>(Surah Al-Maa'idah : 5 ayat : 2)</i>	

	(c)	Berdasarkan maksud ayat di atas, bagaimanakah konsep kerjasama dalam sistem muamalah Islam boleh membawa kebaikan kepada umat Islam?	(4 markah)
		Melalui aktiviti sewa menyewa [1m] dapat menanam sikap tolong menolong apabila pemilik barangan menyewakan barangannya kepada pihak lain [1m]. Ini akan mengeratkan hubungan antara satu sama lain.[1m] Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa mengamalkan sifat ta'awun dalam kehidupan seharian agar mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.	
5	(a)	Jelaskan dua matlamat perundangan Islam.	(4 markah)
		1. Memelihara agama. 2. Memelihara nyawa. 3. Memelihara akal. 4. Memelihara harta benda. 5. Memelihara keturunan. 6. Memelihara kehormatan diri. 7. Memelihara keharmonian negara.	
	(b)	(i) Apakah maksud hukum sunat?	(2 markah)
		Perkara yang digalakkan oleh agama untuk dilakukan [1m] akan diberikan pahala serta balasan syurga. [1m]	
		(ii) Senaraikan dua contoh perkara sunat dalam solat.	(2 markah)
		1. Membaca doa Iftitah. 2. Membaca surah pilihan.	
	(c)	Jelaskan dua keperluan ijtihad.	(4 markah)
		1. Menyelesaikan masalah yang timbul dengan sempurna. 2. Mengelakkan pertikaian dalam menyelesaikan masalah. 3. Menambahkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah agar mendapat rahmatNya.	
	(d)	Terangkan dua cara meningkatkan kualiti ibadat.	(4 markah)
		1. Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang sesuatu ibadat supaya mencapai kesempurnaan ibadat.	
		Mempelajari	
		PUSAT KURSUS KAHWIN TTDI Dewan Kuliah, Tingkat 1, Masjid Al-Taqlwa, Jalan Datuk Sulaiman, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur	

	(e)	Pada pendapat anda, adakah kursus ini dapat mengukuhkan kebahagiaan hidup berumahtangga? Jelaskan tiga alasan anda.	(4 markah)
		Ya kursus ini dapat mengukuhkan kebahagiaan hidup berumahtangga kerana 1. Setiap pasangan suami isteri tahu tanggungjawab masing-masing mengikut bidang dan tugas. 2. Suami isteri akan saling hormat menghormati dan sayang menyayangi. 3. Suami isteri mengetahui matlamat perkahwinan yang sebenar.	
6	(a)	Jelaskan dua matlamat penyelesaian masalah menurut Islam terhadap negara	(4 markah)
		1. Dapat memajukan negara. 2. Dapat meningkatkan ekonomi negara. 3. Dapat mengukuhkan perpaduan rakyat. 4. Dapat menghapuskan gejala sosial dan kemungkaran.	
	(b)	Huraikan tiga sebab perlunya penyelesaian masalah menurut Islam	(6 markah)
		1. Islam agama yang lengkap kerana meliputi semua aspek kehidupan manusia dunia dan akhirat. 2. Memberi keadilan kepada umat kerana hukumannya tidak mengira pangkat. 3. Mewujudkan perpaduan ummah kerana mendapat rahmat Allah s.w.t.	
	(c)	<i>Faktor kemiskinan adalah salah satu punca keretakan dalam rumahtangga.</i> Kemukakan dua tindakan yang harus diambil oleh ketua keluarga bagi menambah sumber pendapatan untuk melahirkan keluarga bahagia.	(4 markah)
		1. Berjimat cermat dalam perbelanjaan seperti membeli barang mengikut keperluan sahaja. 2. Mengelakkan pembaziran seperti berbelanja secukupnya bagi keperluan keluarga. 3. Bekerja bersungguh-sungguh seperti melakukan pekerjaan sambil di samping kerja tetap.	
	(d)	Terangkan tiga cara mewujudkan jaminan keselamatan	(6 markah)
		1. Menkuatkuasakan undang-undang agar tidak berlaku perbuatan jenayah. 2. Mengamalkan sikap toleransi / kerjasama supaya tiada sifat dengki / tamak / sakit hati.	

		3. Menanamkan semangat cintakan negara agar sentiasa menjaga keselamatan negara.	
7	(a)	Jelaskan dua ciri penyelesaian masalah menurut Islam.	(4 markah)
		1. Penyelesaian secara menyeluruh / bersepadu di antara pemerintah dan masyarakat. 2. Dilakukan secara bersungguh-sungguh dan berterusan. 3. Menepati kehendak syarak dengan mengambil kira halal haram / dosa pahala. 4. Merujuk kepada orang berilmu.	
	(b)	<i>Dakwah merupakan antara amalan dalam penyelesaian masalah yang terbaik</i> Terangkan tiga cara dakwah yang berkesan kepada golongan remaja masa kini.	(6 markah)
		1. Memberi nasihat yang baik melalui contoh teladan terpuji. 2. Memberi penerangan mengikut kemampuan orang yang mendengar. 3. Mengajak melakukan khidmat amal kebajikan seperti lawatan ke rumah orang tua. 4. Mengajak berbincang dengan baik tentang perkara yang mereka sukai.	
	(c)	<i>Jaminan keselamatan penting dalam membentuk sebuah negara yang aman dan sejahtera.</i> Nyatakan empat bentuk jaminan keselamatan yang diberikan oleh Islam kepada umatnya.	(4 markah)
		1. Kebebasan beragama. 2. Kebebasan berfikir / bersuara. 3. Kebebasan mencari harta. 4. Kebebasan bergerak bebas. Kebebasan mendapatkan harta.	
	(d)	<i>Keluarga yang teguh dengan pegangan ajaran islam akan membentuk masyarakat yang bertamadun. Sebaliknya keluarga yang goyah bakal mengundang pelbagai masalah termasuklah ancaman atheism akibat iman yang lemah.</i> Utusan Online 21 Mei 2018 Pernyataan di atas adalah bukti pentingnya semangat juang yang tinggi dalam diri setiap umat Islam. Huraikan tiga kepentingan semangat juang yang tinggi.	(6 markah)

			1. Dapat membentuk disiplin diri yang tinggi dalam setiap perkara yang dilakukan. 2. Menjadikan seseorang sentiasa muhasabah diri untuk memperbaiki kelemahan diri. 3. Yakin kepada diri sendiri dalam setiap tindakan. 4. Sentiasa bermotivasi tinggi untuk mencapai sesuatu kejayaan.

SKEMA JAWAPAN TAMAT